

Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu

Mohd Firdaus Che Yaacob*, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani,
Shahariah Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi

*Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg
Berkunci No. 1m 16300, Bachok, Kelantan, Malaysia..*

Article Information

Received 2 April 2017
Received in revised form 29
May 2017
Accepted 2 June 2017

Abstrak

Cerita rakyat Melayu ialah sebuah cerita yang berasal dari masyarakat dan berkembang dalam masyarakat pada masa lampau. Selain itu, cerita rakyat Melayu menjadi ciri unik setiap bangsa juga mempunyai suatu kebudayaan beraneka ragam, merangkumi kekayaan budaya juga dan sejarah. Pada umumnya, cerita-cerita rakyat Melayu yang diperoleh mengisahkan tentang sesuatu kebudayaan masyarakat bangsa itu tersendiri. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu dengan menggunakan pendekatan teori pengkaedahan Melayu. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini akan membawa pembaca untuk memahami akan nilai murni seperti nilai kejujuran yang termaktub di bawah lembayung kata amanah, bercakap benar dan ikhlas yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu dalam teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia diselenggarakan oleh Aripin Said dan Othman Puteh pada tahun 2015. Seterusnya, beberapa cerita rakyat telah dipilih iaitu Awang Yang Lurus, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk, Seuncang Padidan Penjual Api Yang Lurus. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa elemen nilai murni kejujuran ternyata jelas terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu terpilih dan penemuan nilai murni seperti ini telah membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Melayu pada masa lampau mengamalkan nilai murni dalam kehidupan untuk memastikan sebuah kehidupan yang sejahtera.

© 2017 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Keywords: Cerita rakyat Melayu; Nilai murni; Teori Pengkaedahan Melayu

Reflections of positive values in Malay folklore

Abstract

The Malay folklores are stories that originated from and grew in the past Malay society. In addition, the folklore becomes a unique feature of the Malay people that reflects and encompasses the diverse culture, cultural richness and history of the society especially of the values within the Malay society. Therefore, this study aims to identify and analyze the positive values practiced in the Malay community as reflected in the folklores by using the Teori Pengkaedahan Melayu. A qualitative approach was employed involving textual analysis of selected Malay folklores. The aim is to reveal the positive values such as honesty embodied under the terms trust, truth and sincerity contained in the Malay folklore. The 366: A Collection of Malaysian Folktales compiled by Aripin Said and Othman Puteh in 2015 is the main research materials. Five folklores were selected from the collection which included Awang yang Lurus, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk, Seuncang Padi and Penjual Api Yang Lurus. The findings of this study prove that the values of honesty are clearly contained in the Malay folklore and the discovery of such values has proven that the Malay community in the past has practiced values in life to ensure a prosperous life.

Keywords: Malay folklore; Positive values; Teori Pengkaedahan Melayu

* Corresponding author: Tel.: +60176885216; Faks: +6097797262

E-mail addresses: mohdfirdauscheyaakob@yahoo.com [Mohd Firdaus, C.Y.]; nasirin@umk.edu.my [Nasirin, A.]; mi.izani94@yahoo.com [Muhammad Izani, A.G.]; shahariah.s@umk.edu.my [Shahariah Norain, S.]; asiahapandi5@gmail.com [Siti Nur Anis, M. A.].

PENGENALAN

Cerita rakyat Melayu merupakan warisan tradisi yang dipanjangkan kepada generasi kemudian dan masih popular serta diminati oleh masyarakat Melayu hingga kini. Umumnya, cerita rakyat Melayu merupakan suatu kebudayaan dalam bentuk lisan yang dipertuturkan secara turun temurun dan ia merangkumi budaya dan sejarah masyarakat Melayu secara abadi. Mohd Taib Othman (1976) menyatakan cara dan kaedah ini merupakan satu ekspresi budaya yang diteruskan oleh masyarakat, sama ada dari segi masa ataupun dari segi ruang ia dilafazkan dari mulut ke mulut dan tidak bertulis atau dicatat. Cerita rakyat Melayu ini hak milik bersama masyarakat kolektif. Justeru, soal hak cipta dan milik cerita rakyat Melayu ini tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Hal ini, kerana cerita rakyat Melayu tersebut mempunyai banyak versi dan bergantung kepada penyampaiannya. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu menjadi milik sebuah masyarakat khususnya Melayu dan merupakan hasil pengucapan masyarakat pada ketika dahulu. Tradisi dan warisan pengucapan ini dipanjangkan dari satu generasi ke generasi yang berikut berasaskan kepada elemen yang terdapat di dalamnya. Sehubungan itu, cerita rakyat Melayu juga dapat menggambarkan fenomena kehidupan, pandangan dunia dan budaya masyarakat tradisi. Bahkan, cerita rakyat Melayu juga menceritakan tentang kebudayaan Melayu yang selama ini yang mencerminkan perilaku positif masyarakat Melayu.

Sehubungan dengan itu, cerita rakyat Melayu yang diperoleh oleh masyarakat pada zaman dahulu hingga kini sememangnya menitikberatkan nilai murni yang boleh menggambarkan kebudayaan masyarakat Melayu yang utuh dan mempunyai nilai luhur serta pengajaran yang boleh mendidik masyarakat setempat. Oleh hal yang demikian, cerita rakyat Melayu tidak boleh dilihat sekadar untuk berhibur semata-mata tanpa mengambil kita kelebihan yang ada pada jalan ceritanya. Hal ini kerana, masyarakat pada masa lampau beranggapan bahawa cerita rakyat Melayu disampaikan sekadar untuk mencuit hati terhadap khalayak, seolah-olah cerita rakyat Melayu tidak memberi faedah dan pedoman kepada masyarakat. Tidak kurang juga tanggapan masyarakat pada hari ini, cerita rakyat Melayu masih dipandang remeh kerana masyarakat melihat cerita rakyat Melayu sebagai bahan yang tidak berfaedah dan hanya bersifat rekaan semata-mata. Rentetan daripada itu, persepsi negatif masyarakat pada masa lampau dan kini, wajar dipandang serius kerana isu ini menjadi suatu kebimbangan kepada para pengkaji pada hari ini. Oleh itu, cerita rakyat Melayu wajar diangkat dan dimartabatkan demi memastikan pemuliharaan khazanah bangsa ini kekal kerana kaya dengan nilai murni yang mampu membentuk moral dan tingkah laku positif masyarakat. Pemupukan nilai murni dalam diri masyarakat akan memastikan sahsiah diri seseorang sentiasa berada dalam kawalan yang baik.

PENYATAAN MASALAH

Kajian ini bertitik tolak daripada sebuah kenyataan yang telah diutarakan oleh Azzah Ar (2010) yang memperkatakan akan kesan cerita rakyat Melayu kepada kehidupan orang Melayu hanya untuk orang dewasa dan bukannya untuk kanak-kanak. Hal ini kerana apabila cerita rakyat Melayu itu diceritakan kepada kanak-kanak maka tidak memberi makna kepada mereka kerana pengalaman hidup mereka belum banyak. Selain itu, cerita rakyat Melayu menggambarkan moral yang rendah, rangsangannya menerusi unsur pesona (enchantment) tidak mempunyai watak yang baik dan juga fizikal watak yang sangat hodoh serta tidak diminati oleh kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, Azzah Ar (2010) dalam artikelnya jelas menggambarkan akan cerita rakyat Melayu kini tidak sesuai dijadikan bahan bacaan kanak-kanak sebaliknya sesuai dijadikan bahan bacaan kepada orang dewasa sahaja. Selain itu, diperkatakan bahawa cerita rakyat tersebut memiliki nilai moral yang rendah dan menampakkan fizikal watak yang sangat hodoh.

Hasil daripada penelitian, didapati elemen yang terkandung di dalam kesusasteraan rakyat belum diterokai sepenuhnya dan perlu diamati dengan sebaik-baiknya. Di samping itu, kajian ini akan memaparkan kembali cerita rakyat Melayu yang berupaya memberi perutusan nilai murni terhadap segenap masyarakat menerusi teori pengkaedahan Melayu yang lebih menjurus kepada nilai dan kebudayaan masyarakat Melayu serta menjurus kepada persoalan kebaikan dan keadilan. Lantas, cerita rakyat Melayu kaya dengan nilai yang wajar disemai dalam diri semua lapisan masyarakat Melayu. Namun begitu, setiap

cerita rakyat Melayu jelas mempunyai nilai-nilai moral tinggi, watak dan perwatakan yang menarik dan bukan sekadar untuk dijadikan medium hiburan. Seterusnya, bertentangan pula dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014) dalam kajiannya menjelaskan bahawa kanak-kanak akan memperoleh sesuatu input yang baik melalui bahan bacaan atau cerita rakyat Melayu yang dibaca dan secara tidak langsung kanak-kanak dapat mengaplikasikan pengalaman yang digambarkan di dalam cerita berkenaan dalam kehidupan mereka yang sebenar. Sebagai contoh, penerapan unsur nilai murni rasional pada watak cerita dapat menimbulkan motivasi dan aspirasi pada diri kanak-kanak dalam mencapai sesuatu yang baik.

SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (Mohd Firdaus seterusnya) pada 2015 membangkitkan tentang betapa pentingnya nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku tersebut yang telah diselenggarakan oleh Aripin Said dan Othman Puteh (2013). Seterusnya, kajian ini mengariskan 16 nilai murni yang termaktub dalam *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia*. Hasil dapatan membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* terdapat jalinan ikatan erat antara nilai-nilai murni yang terkandung dalam *Falsafah Pendidikan Kebangsaan* dalam usaha melahirkan masyarakat yang harmonis.

Pengamatan diteruskan dengan kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) yang membangkitkan tentang kepentingan nilai baik hati yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita-cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu selama ini sememangnya kaya dengan pengolahan nilai baik hati yang boleh dijadikan medium untuk mendidik dan membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat serta ternyata teori pengkaedahan Melayu adalah suatu jalinan yang konkrit untuk memantapkan hasil kajian.

Kajian oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin (2016) juga membangkitkan tentang kepentingan nilai jati diri masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai jati diri yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini menggunakan teori ekologi budaya atau adaptasi alam untuk memantapkan lagi analisis perbincangan. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu yang diperoleh kaya dengan pembinaan jati diri yang dapat membnetuk semangat jati diri yang unggul dalam kalangan masyarakat Melayu pada hari ini.

3.1 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu telah diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini diasaskan disebabkan kekurangan teori-teori dari Barat. Hashim Awang (1989) menyatakan teori kritikan Barat berat sebelah dan kurang sesuai dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu yang berteraskan jati diri bangsa Melayu dan Islam. Menurut Mana Sikana (1991), teori ini merupakan satu pendekatan sastera Melayu yang bertunjangkan daya kreatif, penghasilan sastera yang kaya, keakraban dengan gejala alam dan kehalusan budi orang Melayu. Kaedah ini jelas berasaskan sikap hidup, kepercayaan, dan berteraskan pegangan hidup Islam. Teori pengkaedahan Melayu ini sama seperti teori yang dibawa Plato iaitu mimesis. Unsur moral yang terdapat di dalam teori ini begitu kuat dan ia merupakan satu percubaan ikhlas Hashim Awang untuk mengkonkritkan worldview Islam dalam kritikan sastera. Teori pengkaedahan Melayu ini bersandarkan kepada kitab *Taj-al-Muluk*.

Melalui teori pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang (2002) membahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kedua-duanya mempunyai cabang-cabang yang dikenali sebagai pendekatan. Pengkaedahan alamiah terdiri daripada pendekatan firasat, pendekatan gunaan dan pendekatan moral manakala melalui pengkaedahan keagamaan menyenaraikan pendekatan

dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Namun dalam kajian ini, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dikekalkan. Kedua-dua pengkaedahan ini adalah berpadu, saling berkait antara satu dengan lain dan saling kukuh memperkukuh.

3.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan keagamaan yang dimaksudkan oleh Hashim Awang (2002) adalah pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Sumber yang paling besar dan utama yang menjadi rujukan ialah Al-Quran dan hadis. Sumber pembentukannya pula bersandarkan tujuan mengangkat sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Pengkaedahan ini, bersendikan nilai-nilai estetika dan moral yang bersandarkan kepada pegangan yang benar dan kudus iaitu kepercayaan kepada kewujudan Allah dan keyakinan kepada sifat-sifat kebesaran, kekuasaan, kekayaan, dan kesempurnaan-Nya. Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh sarjana mengenai pengkaedahan keagamaan, kebanyakan sarjana meletakkan sumber rujukan utama kritikan Islam ialah Al-Quran dan hadis. Berdasarkan ciri dan nilai ini, pengkaedahan keagamaan diutarakan oleh Hashim Awang (2002), melalui tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

3.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah sebagai satu hasil sastera menekankan beberapa aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Menurut Hashim Awang (2002), maksud yang kudus begini ditanggapi sebagai mengandungi persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT, serta sastera dapat dijadikan sebagai ‘kitab’ untuk manusia mengenali dengan lebih dekat tentang diri dan sifat Allah SWT yang bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT. Perasaan cinta dan taat terhadap-Nya diperjelaskan dalam Al-Quran untuk hamba-hambanya. Iaitu Allah bersifat Ar-Rab, Ar-Rahman, Ar-Rahim, dan Ar-Malik. Disebabkan hal itu, manusia akan mulai bertambah yakin dan bahagia sekiranya mereka mengetahui mengenai kesempurnaan, kekuasaan, kemuliaan, kehebatan dan keagungan-Nya.

Sementara itu, Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa pendekatan dakwah mempunyai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam, yang daripadanya akan dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih besar dan mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik daripada kalangan insan muslim mahupun bukan muslim. Dengan kata lain dakwah dilihat oleh sastera sebagai alat pengembangan Islam dalam konteks penghayatan keunggulannya dan keagungan Allah SWT. Pendekatan dakwah juga lebih tertumpu kepada aspek tema, nilai moral dan amanat yang merujuk kepada penyerahan permasalahan tersebut. Kewujudan aspek watak dan perlakuan serta peribadi watak juga menjadi daya penarik untuk dikaji dengan kaitannya dengan sifat-sifat mulia seorang insan Muslim. Hasil daripada perbincangan di atas dengan jelas memperkatakan bahawa pendekatan dakwah merujuk kepada hasil karya sastera yang dianggap mengutarakan beberapa persoalan yang memperihalkan tentang sifat-sifat kemuliaan, keesaan, kekuasaan, kehebatan, keagungan dan ketinggian Allah SWT sebagai pencipta alam. Pendekatan ini diharapkan dapat menimbulkan dan meningkatkan rasa cinta, taat, patuh dan ketakwaan manusia kepada Allah SWT. Jelaslah di sini, karya sastera dilihat mampu menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam.

3.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam (Hashim Awang, 2002) sebagai satu hasil seni yang mengutamakan keintelektualan dan keindahan. Melihat karya sastera sebagai alat untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut kaca mata Islam, iaitu mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar, mengajak melakukan kebaikan dan meninggalkan

kejahatan mengikut landasan-landasan Islam yang benar dan betul. Konsep amar makruf nahi mungkar bukanlah merujuk kepada konteks ibadat yang khusus atau fardhu ain, tetapi meliputi seluruh sistem kehidupan manusia di muka bumi. Keupayaan karya sastera merupakan cara yang efektif untuk amar makruf nahi mungkar, adalah tidak dapat dinafikan dalam kehidupan. Dalam konteks ini, Hashim Awang (2002), menganggap sastera sebagai wadah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan mengenai kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, penindasan, rasuah dan segala permasalahan yang dianggap punca kepada kepincangan masyarakat dan keruntuhan keimanan umat Islam.

3.2.3 Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Seterusnya, pendekatan seni juga telah menjadikan karya sastera sebagai persoalan pokok yang dapat digambarkan keindahan dalam sastera adalah keindahan yang berlandaskan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam (Hashim Awang, 2002). Selain itu, pendekatan seni hendaklah dilihat bersama-sama logiknya dengan merujuk kepada penggunaan nilai-nilai keindahan dalam Islam bukanlah untuk diberi penghormatan yang tinggi terhadap penggunaan imaginasi yang tidak terbatas atau lebih mementingkan keseronokan indera, tetapi hendaklah mempertingkatkan daya keintelektualan serta sifat kemanusiaan, antaranya ketika hendak menggambarkan watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran ilmiah, hendaklah diolah dengan cara yang menyakinkan supaya tidak timbul kepura-puraan dan tidak realistik (Hashim Awang, 2002). Sehubungan dengan itu, dapat diperkatakan bahawa keindahan itu berteraskan tauhid. Keindahan itu dapat dikenalpasti menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya: yang berbentuk harafiah dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya. Tambahan daripada pemahaman ini, penting untuk difahami bahawa pendekatan seni merujuk kepada keindahan luaran dan keindahan dalaman. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya. Selain itu, persoalan keindahan pada sastera dikaitkan dengan alam dan penciptaannya. Keindahan yang dimaksudkan itu perlu berteraskan keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini merangkumi proses pengumpulan data dengan memilih cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia yang diselenggarakan oleh Aripin Said dan Othman Puteh pada tahun 2015. Setelah proses pengumpulan data tersebut diperolehi dengan tepat maka, data tersebut dianalisis dengan sistematik. Selain itu, cerita-cerita rakyat Melayu seperti *Awang Yang Lurus*, *Padi Berbuah Emas*, *Raja Kuyuk*, *Seuncang Padi* dan *Penjual Api Yang Lurus* telah dianalisis sebanyak tiga kali untuk menemui nilai murni dan seterusnya diaplikasikan dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang (1989). Antara cerita-cerita rakyat tersebut ialah Cerita-cerita rakyat Melayu juga dipilih secara rawak dan dianalisis mengikut nilai murni yang telah ditetapkan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Nilai kejujuran di bawah lembayung sikap bercakap benar, amanah dan ikhlas yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu kaya dengan cerminan moral yang terpancar pada watak pendukung dalam cerita. Sikap kejujuran oleh seseorang individu memainkan peranan penting dalam proses membentuk jiwa yang bersih. Lantaran itu, wujudnya jiwa yang bersih maka akhlak seseorang individu tergambar melalui sikap dan tingkah lakunya dalam masyarakat. Berdasarkan kepada ciri-ciri bercakap benar, amanah dan ikhlas yang terkandung dalam nilai kejujuran, terdapat cerita-cerita rakyat Melayu iaitu *Awang Yang Lurus*, *Padi Berbuah Emas*, *Raja Kuyuk*, *Seuncang Padi* dan *Penjual Api Yang Lurus*. Menurut Tajul Arifin

Nordin dan Nor'aini Dan (1992) kejujuran diertikan sebagai sikap dan perlakuan yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan balasan.

5.1 Nilai Kejujuran Melalui Ciri Amanah

Amanah merupakan nilai seseorang yang memenuhi sesuatu permintaan orang lain yang diberikan kepadanya dengan jujur (Mohd Ali Hashimi, 1992). Nilai kejujuran bersandarkan sifat amanah yang boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Awang yang Lurus*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan 1 berikut:

Petikan 1

Pada suatu hari, ayah Awang dipanggil untuk membaca doa di rumah jiran. Sebelum pergi dia berpesan kepada anaknya. "Jika ada orang memanggil ayah, kamu hendaklah segera memanggil aku," kata ayahnya. Tidak lama kemudian ada orang datang memanggil ayah Awang. Dia pun memanggil ayahnya dari rumah hinggalah ke tempat ayahnya berada.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 5)

Berdasarkan petikan 1, sumber menggambarkan sifat amanah pada diri Awang. Frasa "Jika ada orang memanggil ayah, kamu hendaklah segera memanggil aku," kata ayahnya" dan "dia pun memanggil ayahnya dari rumah hinggalah ke tempat ayahnya berada." ternyata jelas menggambarkan tindakan Awang yang menuruti segala perintah yang diamanahkan oleh ayahnya. Kita semua sedia maklum bahawa ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi lagi mulia di sisi Allah SWT. Merekalah yang menjaga, mengasuh serta mendidik anak-anak itu dengan sempurna, termasuklah makan minum, pakaian, lindungan dari segi keselamatan serta kasih sayang. Segala pengorbanan kedua ibu bapa terutama ibunya tidak ternilai besarnya jika hendak dibalas. Hal ini jelas menggambarkan masyarakat Melayu sememangnya memiliki sifat amanah dalam melakukan setiap pekerjaan demi mendapat keberkatan dalam sebuah kehidupan.

Seterusnya, nilai kejujuran melalui sikap amanah juga dapat digambarkan berdasarkan cerita rakyat Melayu yang bertajuk *Raja Kuyuk* di bawah:

Petikan 2

Semasa tinggal di negeri itu, Sultan Hashim dan orangnya tidak lupa mengerjakan sembahyang lima waktu. Raja Kuyuk pun bertanya kepada Sultan Hashim, apakah yang mereka lakukan itu? "Kami mengerjakan sembahyang. Menyembah Tuhan kami, iaitu Allah Yang Maha Esa. Allah yang menciptakan bumi dan langit segala Makhluk-Nya. Kami ini semuanya bergama Islam," titah Sultan Hashim.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013:7)

Berdasarkan petikan 2 di atas, sumber menggambarkan nilai murni kejujuran melalui sikap amanah yang dimiliki oleh Sultan Hashim dan pengikut-pengikutnya. Sultan Hashim dan pengikut-pengikutnya amanah dalam mengerjakan suruhan dan perintah Allah SWT iaitu mengerjakan solat lima waktu sehari semalam walaupun sibuk dengan urusan pentadbiran. Perbuatan ini mencerminkan bahawa orang Islam mencintai Allah SWT untuk memastikan sebuah kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat. Agama Islam mewajibkan semua umat-Nya menunaikan sembahyang untuk mendapat syafaat di dunia dan di akhirat. Nabi Muhammad SAW merupakan nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT untuk membimbing manusia ke arah kebenaran. Umat Nabi Muhammad telah diperintahkan untuk mengerjakan solat lima waktu setiap hari. Perkara ini merupakan kelebihan dan anugerah Allah SWT kepada umat nabi Muhammad kerana solat akan memberi perlindungan di hari pembalasan kelak.

Sifat amanah juga merupakan salah satu dari keperibadian milik sepunya orang Melayu (Hashim Musa, 2008). Hal ini diakui oleh Swettenham (2015) dengan menyatakan orang Melayu digambarkan sebagai kelompok masyarakat yang amanah dalam menjalankan tugas dan mendengar arahan. Sehubungan itu, menerusi teori pengkaedahan Melayu (1989), bersesuaian dengan pendekatan dakwah (Hashim Awang, 2002 pendekatan ini dilihat sebagai satu wadah yang dapat meningkatkan nilai ketakwaan manusia terhadap Allah SWT. Pendekatan ini juga menjurus kepada persoalan yang menyetengahkan tentang sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Oleh itu, pendekatan dakwah itu lebih menyentuh kepada segala persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah SWT dan agama Islam dengan wujudnya sifat-sifat yang mulia oleh manusia.

5.2 Nilai Kejujuran Melalui Ciri Bercakap Benar

Bercakap benar ialah seseorang yang berkata-kata jujur lahir dari hati mereka dan tidak berbohong (Mohd Ali Hashimi, 1992). Seterusnya, melalui sifat bercakap benar boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Padi Berbuah Emas*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan 3 berikut:

Petikan 3

“Sejak tadi, emak tengok kamu macam ada masalah besar,” kata perempuan tua itu. “Padi saya dah masak. Tapi habis dimakan pipit,” kata Kasan.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 18)

Berdasarkan petikan 3, sumber menggambarkan nilai kejujuran bersandarkan kepada ciri sifat bercakap benar yang dimiliki oleh seorang pemuda yang bernama Kasan. Dialog tersebut jelas memperlihatkan tentang sikap kejujuran melalui sikap bercakap benar yang wujud dalam diri Kasan kerana memberitahu masalah yang dihadapi olehnya sebenarnya setelah ditanya oleh perempuan tua tersebut. Kasan memberitahu perempuan tua itu bahawa padinya musnah kerana dimakan oleh burung pipit. Dia juga berasa bimbang sekiranya padi yang ditanam olehnya tidak mendapat hasil yang baik. Oleh itu, sikap bercakap benar seperti ini wajar dijadikan pedoman oleh setiap insan untuk memastikan hubungan baik dalam kalangan masyarakat sekali gus untuk memastikan sebuah kehidupan yang harmoni.

Seterusnya, nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar juga dapat dilihat berdasarkan cerita rakyat Melayu yang bertajuk *Seuncang Padi* seperti petikan 4 di bawah:

Petikan 4

Apabila orang tua itu duduk, dia pun berkata, “Bolehkah kamu beri saya sedikit makanan?” “Rumah kami tidak ada apa-apa makanan. Kami orang miskin, jadi tidak ada apa yang hendak di masak,” jawab isteri”.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 10)

Berdasarkan petikan 4 di atas, sumber menggambarkan nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar oleh watak seorang isteri. Sikapnya yang berterus terang itu membuktikan bahawa dia seorang yang jujur dalam berkata-kata apabila bercakap dengan seorang perempuan tua yang sedang kelaparan dengan memaklumkan kepada perempuan tua itu yang dia tidak mempunyai makanan kerana kehidupannya yang miskin. Perbuatan ini merupakan suatu perbuatan yang murni kerana kemiskinan tidak menghalalkan cara untuk berbohong sebaliknya seseorang itu wajib bercakap benar demi mengelakkan berlakunya masalah dan perbuatan murni akan menjaga hubungan baik sesama manusia.

Menurut Mohd Ali Hashimi, untuk membentuk manusia yang hakiki, amalan bercakap benar adalah amalan utama yang menjadi fokus (1992). Malah bercakap benar adalah kunci kepada kemuliaan dan asas akhlak yang mulia (Mohd Ali Hashimi, 1992). Selain itu, Amir A. Rahman (1991) bercakap benar adalah

dipertanggungjawabkan oleh seluruh umat Islam bagi mengatur cara perhubungan yang baik untuk menjamin kesejahteraan hidup. Sehubungan dengan itu, menerusi teori pengkaedahan Melayu (1989), bersesuaian dengan pendekatan dakwah (Hashim Awang, 2002), di mana pendekatan ini dilihat sebagai satu wadah yang dapat meningkatkan nilai ketakwaan manusia terhadap Allah SWT. Pendekatan ini juga menjurus kepada persoalan-persoalan yang menentengahkan tentang sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Oleh itu, pendekatan dakwah itu lebih menyentuh kepada segala persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah SWT dan agama Islam dengan wujudnya sifat-sifat yang mulia oleh manusia. Hal ini jelas menggambarkan masyarakat Melayu memiliki sifat amanah dalam menuturkan kata-kata yang benar ketikan bercakap dengan masyarakat di sekeliling. Hal ini juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Allah SWT dan Islam dijadikan pegangan kerana masyarakat Melayu wajar bercakap benar kerana sifat tersebut merupakan sebahagian ajaran yang dituntut dalam Islam kerana ia dapat menjamin kebahagiaan dan kecemerlangan dalam sebuah kehidupan.

5.2 Nilai Kejujuran Melalui Ciri Ikhlas

Menurut Mohd Ali Hashimi (1992) ikhlas bermaksud melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan balasan daripada orang lain. Seterusnya, nilai kejujuran melalui ciri ikhlas boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Penjual Api yang Lurus*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan 5 berikut:

Petikan 5

“Ambil duit itu, kamu akan jadi kaya-raya. Hidup kamu senang-lenang,” kata suara tiba-tiba. “Tapi ini milik orang,” kata Jafur. “Ambillah sedikit Jafur. Buangkan uncang itu ke dalam semak,” kata suara itu lagi. “Tak boleh. Aku mesti pulangkan kepada tuannya. Hidup aku sekarang sudah bahagia. Jika aku kaya pun ia hak orang. Aku tak akan bahagia,” kata Jafur.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 162)

Berdasarkan petikan 5, sumber menggambarkan nilai kejujuran bersandarkan kepada sifat keikhlasan oleh watak Jafur yang ikhlas dalam memulangkan kembali wang yang dijumpai olehnya itu. Hal ini dapat dilihat melalui frasa-frasa seperti “mesti pulangkan” melalui ayat lengkap yang diutarakan seperti “Aku mesti pulangkan kepada tuannya.” Sehubungan itu, frasa “mesti pulangkan” tersebut jelas memperlihatkan tentang tindakan yang wujud di dalam diri seorang lelaki bernama Jafur. Nilai kejujuran keikhlasan dapat dilihat bahawa seorang pemuda yang bernama Jafur kerana jujur dalam perbuatannya untuk memulangkan kembali wang yang dijumpainya itu kepada pemiliknya. Perbuatan jujur ini merupakan suatu sikap yang mencerminkan kemuliaan hati seseorang untuk dikasihi dan disayangi dalam kalangan masyarakat serta dimuliakan di sisi Allah SWT.

Rentetan daripada itu, amalan yang berlandaskan keikhlasan mengarah kepada sikap dan nilai kejujuran. Menurut Amir A. Rahman (1992) keikhlasan hati seseorang amat dipandang tinggi dalam agama Islam dan sentiasa dimuliakan di sisi Tuhan. Keikhlasan yang wujud dalam diri umat Islam merupakan teras kebahagiaan dan kedamaian manusia itu sendiri Amir A. Rahman (1992). Perilaku mulia ini menjadi tunjang kepada pembentukan nilai luhur yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, keikhlasan merupakan tunjang dalam kehidupan mereka (Hashim Musa, 2008). Sehubungan itu, menerusi teori pengkaedahan Melayu (1989), bersesuaian dengan pendekatan dakwah (Hashim Awang, 2002), di mana pendekatan ini dilihat sebagai satu wadah yang dapat meningkatkan nilai ketakwaan manusia terhadap Allah SWT. Pendekatan ini juga menjurus kepada persoalan-persoalan yang menentengahkan tentang sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Oleh itu, pendekatan dakwah itu lebih menyentuh kepada segala persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah SWT dan agama Islam dengan wujudnya sifat-sifat yang mulia oleh manusia. Hal ini jelas menggambarkan di mana masyarakat Melayu sememangnya memiliki sifat kejujuran seperti mana yang dituntut dalam Islam dan

hukum Allah SWT dalam menjaga perilaku daripada mengambil hak orang lain dengan kata lain tidak mengambil sesuatu milik orang lain tanpa pengetahuan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini mengkaji soal nilai kejujuran yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Pengkajian ini dilakukan kerana bertitik tolak dari permasalahan terhadap kajian terdahulu yang mengenal pasti wujudnya dua kutub pandangan yang berbeza tentang perkara tersebut. Satu pihak menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu merupakan bahan yang sekadar untuk berhibur. Pada satu pihak yang lain mengemukakan pendapat yang berbeza iaitu berpendapat tentang cerita rakyat Melayu sebagai bahan bacaan yang berfaedah, yang mampu membentuk peribadi positif pembaca disamping menggambarkan kehidupan seharian masyarakat khalayaknya. Seterusnya, dalam usaha mencapai matlamat tersebut, kajian ini menerapkan pendekatan dakwah yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu hasil ciptaan Hashim Awang. Teori pengkaedahan Melayu ini wujud dengan idea pokok yang jelas dalam menghuraikan nilai sepunya dan worldview masyarakat Melayu. Hal ini jelas dalam pendekatan yang diketengahkan di dalam teori ini yang memberi keutamaan terhadap nilai-nilai murni yang menjadi teras dalam kehidupan orang Melayu. Pendekatan yang menjadi gagasan dalam teori pengkaedahan Melayu memberi fokus kepada satu pertalian rapat antara nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Melayu. Tambahan lagi, aspek ini menghubungkan satu jalinan ikatan keagamaan yang sememangnya menjadi pegangan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Oleh itu, penerapan teori pengkaedaham Melayu dalam kajian ini dapat mengkonkritkan lagi jalinan yang wujud di antara nilai-nilai murni dengan masyarakat Melayu. Rentetan daripada itu, peranan cerita-cerita rakyat Melayu pada satu ketika dahulu sangat penting dan bernilai kepada masyarakat. Walaupun cerita rakyat Melayu disampaikan dari mulut ke mulut namun ia kekal sebagai satu medium penyampaian yang berkesan dalam pembentukan akhlak, sahsiah dan jati diri masyarakat. Tugas penglipurlara dan tukang cerita sangat berat kerana mereka perlu mengolah setiap susunan idea, garapan tema, perkataan, estetika dan jalan cerita setiap cerita yang hendak disampaikan secara kreatif agar cerita menjadi lebih menarik bagi memudahkan khalayak pembaca dan pendengar dapat memahami setiap inci cerita rakyat Melayu tersebut. Dalam konteks ini, cerita rakyat Melayu merupakan takungan ilmu, dan warisan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun lagi. Hal ini akan menjadikan cerita rakyat Melayu sememangnya kaya dengan nilai estetika, padat dengan nilai sejarah dan kaya dengan nilai moral sesebuah masyarakat penting dalam pembentukan moral baik bagi melahirkan modal insan yang unggul, (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

RUJUKAN

- Amir A. Rahman. (2001). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azzah Ar. (2010). *Kesan Cerita Rakyat Melayu Kepada Kehidupan Orang Melayu*. (Diakses pada 15 April 2014).
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka di Riviera Bay Resort, Melaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laurent Metzger. (2007). *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Terj. Haji Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4 (2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifuddin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 3(2015), 91-100.
- Mohd. Taib Osman. (1976). *Sastera Rakyat*, Tinjauan Umum. Dlm. Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi, Disunting oleh A. Bakar Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Projek Akhir Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animal Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science*, 10(19), 17-23.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 13(3), 216-221.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learners. *Technics Technologies Education Management*, 9 (2), 352-360.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Learning via Television Cartoon. *Asian Social Science Journal*, 10(15), 8-15.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2015). *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Swettenham, F. (2015). *Perihal Orang Melayu*. (Zubaidah Ibrahim, Terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Kadir. (1992). *Pembinaan Tradisi dan Budaya Ekspresif Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Zainal Abidin Datuk Borhan. (2001). *Adat Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 137-156.